



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MRANTI JALIN KERJASAMA DENGAN SUNWAY UNTUK SANDBOX BANDAR PINTAR

KUALA LUMPUR, 21 Jun 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi di bawahnya Malaysia Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) hari ini menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Sunway Innovation Labs (iLabs) untuk Sandbox Bandar Pintar menerusi National Technology and Innovation Sandbox (NTIS).

NTIS yang diterajui MOSTI membolehkan penyelidik, penggerak inovasi, startups dan usahawan berteknologi tinggi menguji produk, teknologi atau perkhidmatan dalam persekitaran yang sebenar dan terkawal melalui kemudahan pembiayaan atau fasilitasi regulatori yang berkaitan. Ini bertujuan untuk mempercepatkan pengadaptasian serta penggunaan teknologi dan inovasi tempatan terutamanya teknologi terkehadapan (*advanced technology*).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, Kerajaan melihat pewujudan bandar pintar sebagai salah satu pendekatan untuk meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran yang mampan dan selamat serta menggalakkan pengurusan lebih cekap di kawasan bandar.

“Menurut laporan Dasar Perbandaran Negara Kedua, jumlah penduduk Malaysia yang tinggal di bandar dijangka meningkat daripada 20.29 juta pada tahun 2010 kepada 27.30 juta menjelang tahun 2025. Kini, dianggarkan lebih 70% daripada penduduk di negara ini tinggal di kawasan bandar. Dengan wujudnya bandar pintar dalam negara ini akan membolehkan penggunaan teknologi yang dibangunkan oleh bakat tempatan melalui inisiatif MOSTI seperti NTIS untuk membantu pihak berkuasa dalam menangani isu-isu perbandaran dan meningkatkan kualiti hidup,” katanya.

Kerjasama ini akan membolehkan para peserta dihubungkan dengan ekosistem Sunway yang terdiri daripada 13 bahagian perniagaan dan menguji inovasi syarikat tersebut di Bandar Sunway Kuala Lumpur, sebuah bandar pintar lestari.

Usaha ini dilihat mampu menjadikan Bandar Sunway Kuala Lumpur sebagai makmal alami (*living lab*), membawa masuk bakat muda, tenaga intelektual, kepakaran penyelidikan, makmal inovasi dan aktiviti komersial untuk menjana penyelesaian sebenar di kawasan bandar pada masa hadapan di samping membawa penambahbaikan kepada alam sekitar dan masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI, Dzuleira Abu Bakar berkata, NTIS adalah platform kritikal untuk mempercepatkan usaha mengubah negara daripada menjadi pengguna teknologi kepada penghasil teknologi.

“Melalui kerjasama ini, inovasi yang dibangunkan oleh syarikat pemula Sunway iLabs Super Accelerator boleh disalurkan kepada NTIS untuk diuji dalam persekitaran bandar raya sebenar yang dibangunkan Sunway, menerima fasilitasi kawal selia dan pembiayaan sebelum membawa

penyelesaian teknologi ini ke pasaran dan dilaksanakan di seluruh negara. Pada masa yang sama syarikat di bawah NTIS juga boleh meraih faedah dengan memasuki ekosistem Sunway untuk mengakses program dan memanfaatkan Projek Rintis Bandar Pintar Lestari," tambahnya.

MRANTI juga merupakan sekretariat utama NTIS. Untuk maklumat lanjut dan permohonan, sila layari <https://sandbox.gov.my/> .

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
21 JUN 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Komunikasi Korporat, MRANTI

Fazlyn Kamal, fazlyn@mymagic.my (+6012-303 3646)

Syafieqa Satria, syafieqa@mymagic.my (+6017-395 1088)